

Jenis Akhbar : Utusan Online  
Tarikh : 15/07/2018  
Edisi / Muka surat : [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)  
Tajuk : Koperasi milik ahli kelab bermotor berkuasa besar akan ditubuhkan

## Koperasi milik ahli kelab bermotosikal berkuasa besar akan ditubuhkan



Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah (tengah) bergambar bersama ahli kelab bermotosikal kuasa tinggi selepas merasmikan majlis Pelancaran Rakan Sukarelawan Koperasi Malaysia anjuran Angkasa dan Kelab Permotoran Raiders Malaysia dan Kelab RTM Bikers malam semalam. Hadir sama Presiden Kelab Permotoran Raiders Malaysia, Ahmad Rithauden Abd. Razak . - UTUSAN ONLINE/Mohd Shahrani Saibi

SHAH ALAM 15 Julai - Sebuah koperasi khas milik ahli kelab motosikal berkuasa tinggi bakal ditubuhkan dengan bantuan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) selewat-lewatnya dalam tempoh tiga bulan ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, dimensi baharu melibatkan golongan kelab motosikal berkuasa besar itu merupakan pembaharuan dalam industri koperasi.

“Apabila koperasi tersebut ditubuhkan, ini akan memberi manfaat kepada ahli-ahli kelab bermotosikal di seluruh negara terutamanya daripada aspek pinjaman, bantuan nasihat dan juga memudahkan urusan antara pembekal barangan berkaitan pemotoran.

“Angkasa akan membantu kelab ini berunding dengan kerajaan bagi mendapatkan permit import (AP) supaya membolehkan koperasi permotoran ini membeli motosikal import dan alat ganti terutamanya berkuasa tinggi dengan harga yang lebih murah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis Pelancaran Rakan Sukarelawan Koperasi Malaysia anjuran Angkatan dan Kelab Permotoran Raiders Malaysia dan Kelab RTM Bikers di sini malam semalam.

Sementara itu, Presiden Kelab Permotoran Raiders Malaysia, Ahmad Rithauden Abd. Razak berkata, pihaknya terpanggil untuk membuka sebuah koperasi bagi memudahkan ahli dan penunggang motosikal berkuasa besar mendapatkan alat ganti dengan lebih mudah.

“Sebelum ini, kadangkala pengguna motosikal berkuasa besar sukar mendapatkan alat ganti, namun kami percaya dengan adanya koperasi ini akan memudahkan segala urusan.

“Malah, secara tidak langsung, penubuhan koperasi ini akan mewujudkan aktiviti ekonomi negara hasil bantuan daripada Angkatan dan pengguna motosikal daripada kelab lain juga boleh mendaftar sebagai ahli koperasi,” ujarnya.

- *UTUSAN ONLINE*